

15 MAR 2004

Pilihan raya-Kubang Pasu

BN YAKIN TIDAK TERGUGAT SELEPAS MAHATHIR BERUNDUR

JITRA, 15 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) yakin tidak menghadapi masalah besar mempertahankan kerusi parlimen Kubang Pasu yang diwakili oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad selama 30 tahun.

Pengunduran Dr Mahathir setelah menjadi wakil rakyat di situ termasuk selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri tidak akan menjejaskan sokongan pengundi terhadap BN, kata pengarah pilihan raya BN Parlimen Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff.

"Sebenarnya inilah ujian bagi pengundi Kubang Pasu terutama penyokong BN selepas pengunduran Tun Dr Mahathir," katanya.

Beliau mengakui faktor menghormati ketokohan Tun Dr Mahathir membolehkan BN menguasai kerusi itu walaupun sentiasa ditandingi oleh Pas.

Osman berkata bagaimanapun beliau percaya penyokong-penyokong BN di Kubang Pasu akan terus memberi sokongan kerana bukan dari golongan yang hipokrit.

Pada pilihan raya umum 1999, Dr Mahathir mengalahkan calon Pas Subky Abdul Latiff dengan majoriti 10,138 undi apabila beliau memperolehi 22,399 undi dan Subky 12,261 undi.

Osman yang juga bekas Menteri Besar dan bekas Anggota Dewan Undangan Negeri Jitra mengakui terdapat sedikit masalah dalaman khususnya mengenai pemilihan calon, tetapi ia adalah perkara biasa yang dihadapi setiap kali pilihan raya diadakan.

"Orang ramai mungkin beranggapan sewaktu Tun Dr Mahathir, banyak pihak yang membantu jentera BN dalam pelbagai bentuk, tetapi sebenarnya yang bekerja adalah jentera pilihan raya BN Kubang Pasu sendiri bukan orang luar," jelasnya.

Katanya walaupun menjangka akan menang BN tidak akan bersikap selesa memandangkan pembangkang sentiasa mengikuti perkembangan Umno, tetapi yang

jelas mereka tiada sebarang isu besar untuk dijadikan modal politik.

Tinjauan Bernama mendapati BN dan Pas tidak kalah dalam memasang poster atau mendirikan markas parti masing-masing.

Calon BN bagi Kubang Pasu, Datuk Mohd Johari Baharom yang juga Setiausaha Politik Perdana Menteri, dan calon BN bagi DUN Jitra Prof Datuk Dr Othman Ishak yang mempertahankan kerusinya telah dikenali kecuali muka baru, Khalidah Adibah Ayob, 39, yang dipilih mempertahankan kerusi DUN Bukit Kayu Hitam (dahulu Tunjang).

Mohd Johari sewaktu ditemui berkata sokongan yang diterimanya daripada segenap lapisan anggota UMNO dan BN menyemarakkan semangatnya bekerja lebih keras bagi menambah majoriti khususnya daripada pengundi golongan muda.

Sasaran ini tidak mustahil kerana suasana 1999 dan sekarang adalah berbeza, katanya dengan penuh yakin DUN Jitra dan Bukit Kayu Hitam akan turut menyaksikan sokongan lebih mantap terhadap BN.

"Kemudahan asas yang perlu telah ada di Kubang Pasu, kita hanya perlu terus mengembangkannya dan cara yang boleh untuk merealisasikannya ialah dengan memberi mandat kepada BN," katanya yang dicabar calon Pas, Dr Abdul Isa Ismail.

Menurutny, kerja-kerja yang ditinggalkan oleh Dr Mahathir perlu diteruskan demi masa depan dan kemajuan bangsa Melayu khususnya.

Pada 1999, calon BN, Dr Othman menewaskan calon Pas, Mat Nanyan Saad dengan majoriti 4,234 undi. Othman mendapat 10,928 undi dan Mat Nanyan 6,694 undi.

Di Tunjang pula, Barishah Saad (BN) mendapat 10,734 undi mengalahkan calon Pas, Abu Kasim Abdullah yang memperolehi 6,107 undi.

Calon DUN Jitra, Prof Dr Othman yang ditentang calon Pas, Dr Rohani Muttalib manakala bagi Khalidah Adibah menghadapi calon Pas yang pernah menjadi setiausaha politik Osman Aroff, Mat Nanyan Saad.

Adibah, seorang usahawan dan Dr Othman, anggota Exco kerajaan negeri bersetuju walaupun Pas ketiadaan isu besar mereka perlu terus bekerja keras bagi menjamin kemenangan besar BN.

Adibah, lulusan ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sains Politik

dan Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia, yang terkejut dengan pemilihannya merasakan pengundi sekarang lebih bijak dan boleh menerima wanita sebagai pemimpin.

"Saya tidak gentar menghadapi cabaran orang lama, Mat Nanyan yang lebih mesra dengan panggilan Cikgu Nanyan," katanya sewaktu ditemui di pejabat UMNO Kubang Pasu, hari ini.

Hasil temubual Bernama dengan penyokong-penyokong kuat BN mereka tetap yakin BN tidak akan menghadapi sebarang kesulitan mempertahankan Parlimen Kubang Pasu serta DUN Jitra dan Bukit Kayu Hitam.

"Pas perlu lebih dari keajaiban untuk menang. Kami dah lama bersiap sedia menghadapi saat ini," kata seorang penyokong BN, Shaari Kassim, 50, dari Jitra.

Bagaimanapun, penyokong-penyokong Pas yang ditemui pula berkata "kalah-menang kita lawan dulu. Jika menang ia adalah bonus kerana BN telah bertapak di Kubang Pasu lebih 30 tahun," kata mereka.

Sementara calon Pas bagi Parlimen Kubang Pasu, Dr Abdul Isa Ismail, 56, yang bersara wajib sebagai pensyarah Universiti Utara Malaysia pada 10 Mac lalu menaruh harapan mereka tetap mempunyai peluang untuk menang.

"Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri adalah satu kebetulan kerana beliau anggota Parlimen Kubang Pasu tidak memberi sebarang kelebihan. Pas sedar tiada isu besar tetapi kami percaya banyak isu tempatan seperti kemiskinan dan pendidikan dapat membantu Pas dalam kempennya," jelas beliau.

Menurut Dr Abdul Isa, dalam pilihan raya hanya 30 peratus sahaja sokongan pengundi ditentukan oleh faktor calon dan 70 peratus lagi oleh lain-lain faktor.

Pas akan menggunakan faktor-faktor lain termasuk yang terpenting menyalurkan maklumat yang tepat kerana pengundi telah dipesongkan dengan maklumat sebenar dalam banyak perkara, dakwanya.

Sementara itu, calon Pas DUN Jitra, Dr Rohani dan Mat Nanyan (Bukit Kayu Hitam) turut merasakan Pas tetap mempunyai peluang untuk menang.

Penyokong-penyokong Pas tetap ada, cuma kami perlu lebih bekerja lebih keras dan kami tidak akan menggunakan sentimen atau isu peribadi dalam

kempen kami, kata kedua-dua calon itu.

-- BERNAMA

ZA ZS ROS